

PERMOHONAN KE TINGKATAN SATU (SMKA/KAA)

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA) /
KELAS ALIRAN AGAMA (KAA) RANCANGAN KHAS
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN - TAHUN 2007

a. Syarat dan Peraturan

1. Permohonan hanya dibuka kepada murid yang menduduki peperiksaan UPSR di Sekolah Kebangsaan kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Negeri Selangor sahaja ATAU Sekolah Rendah Agama Integrasi JAIS.
2. Pemohon dan ibu bapanya hendaklah terdiri daripada **warganegara Malaysia** sahaja.
3. Mendapat sekurang-kurangnya **4A 1B** dan **lulus PAFA** dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (**UPSR**) 2006.
4. Cemerlang di dalam Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (**PKSR**) untuk subjek Pendidikan Islam dan Jawi ATAU Penilaian Sijil Rendah Agama (**PSRA**) kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

b. Tarikh Tutup Permohonan

5. Borang yang telah lengkap berserta dokumen sokongan hendaklah dikembalikan ke pejabat sekolah asal masing-masing pada atau sebelum **20 November 2006**.
6. Pihak sekolah berhak untuk tidak menerima permohonan yang tidak mencukupi syarat, tidak lengkap atau lewat diterima.

c. Keputusan

7. Senarai pemohon yang berjaya akan dipamerkan di Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing atau laman web Jabatan.
8. Surat tawaran hanya akan diberikan kepada pemohon yang berjaya. Jika pemohon tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh **dua bulan** dari tarikh tutup, permohonan dianggap tidak berjaya.

d. Dokumen sokongan

9. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Kelahiran pemohon dan salinan Kad Pengenalan ibu dan bapa pemohon. Semua salinan hendaklah disahkan.

Senarai Semak

Bil	Perkara	✓ / ✗
1	Salinan Sijil Kelahiran pemohon yang disahkan	
2	Salinan Kad Pengenalan ibu bapa / penjaga yang disahkan	
3	Salinan dokumen sokongan yang disahkan	

*Sila lawati laman web Jabatan Pelajaran Selangor
untuk semakan status permohonan dan maklumat tambahan tentang SMKA/KAA.
<http://www.jpnsel.gov.my>*

